

Kedutaan AS sifatkan ucapan Mahathir di Hong Kong sangat menarik

UM 5 JUN 1985

(P)
KUALA LUMPUR 4 Jun - Kedutaan Amerika Syarikat di sini hari ini menyifatkan ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di Hong Kong semalam sebagai 'sangat menarik' dan merupakan buah fikiran yang baik untuk direnungkan bersama.

Jurucakapnya berkata: "Ucapan itu begitu menarik, berterus terang dan kami menghormati pandangan dan kritikan beliau itu mengenai hubungan dagang dan perang dingin ekonomi Amerika Syarikat - Jepun dan menyedari masalah dan cabaran yang semakin berkembang di rantau ini."

Katanya lagi, pihaknya juga bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri Malaysia itu mengenai perkembangan ekonomi yang berterusan di rantau Asia - Pasifik dan menyedari ancaman yang dihadapi dan merasakan pandangan itu timbul akibat dari kesedaran dan kebimbangan terhadap masalah dan ancaman yang dihadapi itu.

"Ucapan dan pandangan lantang Perdana Menteri itu timbul akibat dari tekanan dan kesan perang dingin ekonomi Amerika Syarikat - Jepun dan kami tetap menghormatinya," kata ju-

rucakap itu bagi mengulas ucapan dasar Datuk Sri Dr. Mahathir di Persidangan Kewangan Antarabangsa di Hong Kong semalam.

Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ucapannya itu menyifatkan kemunculan perang dingin ekonomi antara Amerika Syarikat - Jepun sebagai ancaman besar kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan di rantau Asia - Pasifik.

Perdana Menteri juga menyifatkannya sebagai satu gejala yang bahayanya lebih besar dari ancaman pembesaran tentera Russia kerana perang dingin tersebut memberi kesan kepada

semua negara Asia - Pasifik.

Jurucakap Kedutaan Amerika itu juga menyatakan, bahawa perang dingin antara kedua-dua gergasi perdagangan dunia itu timbul dari kesan tindakan perlindungan perdagangan yang dijalankan di kedua-dua negara selepas satu persetujuan dibuat pada November 1985.

"Kami menyedari terdapat amalan perlindungan di Amerika dan tekanan keatasnya dan pentadbiran Reagan nampaknya sedang berusaha mengatasi tekanan-tekanan tersebut," katanya.